

Pelancong sering berulang-alik pada musim cuti sekolah

# Melaka terus jadi tumpuan

Oleh NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA

utusanmelaka@utusan.com.my

**MELAKA** 3 Dis. -

*Kapal dagang dari seberang  
Sarat muatan kayu jati  
Dari jauh tuan datang  
Orang Melaka sedia menanti!*

Itulah rangkap pantun yang ba-gaikan sudah sebatian dengan pengun- junjung mahupun pelancong yang sering berulang-alik ke negeri yang cukup kaya dengan se-jarah tersendiri ini.

Bait-bait pantun itulah menjadi pembuka bicara yang seakan-akan menggamit kunjungan sesiapa sahaja yang bertandang ke negeri Hang Tuah ini.

Melaka cukup terkenal dengan kesan peninggalan sejarah serta ke- unikannya produk pelancongannya sehingga tidak putus menerima kun- jungan pelancong domestik mahupun luar negara sepanjang tahun.

Setiap kali tibanya musim cuti persekolahan, jumlah kunjungan mereka yang bertandang ke negeri ini jelas kelihatan berlipat kali gan- da berbanding hari-hari biasa.

Kunjungan yang ramai sehingga mencecah 12 juta orang ke negeri ini tahun lalu menunjukkan Me- laka mempunyai 'sesuatu' yang sukar diungkap dengan kata-kata.

Sejak bermulanya cuti sekolah baru-baru ini, bandar raya ini mula menjadi tumpuan pelancong tem- patan dan luar negara berpusu- pu- su ke Banda Hilir.

Setiap cuti hujung minggu, ke- sesakan jalan raya luar biasa ber-



**PELANCONG** dari dalam dan luar beratur untuk menikmati juadah makanan di Jonker Walk Bandar Hilir, Melaka, baru-baru ini. - UTUSAN/AZLI AHAD

laku di setiap laluan masuk ke bandar raya ini. Puluhan bas-bas pelancong dan sekolah dilihat silih berganti memasuki kawasan tum- puan pelancong di Banda Hilir.

Setiap hotel daripada lima bin- tang hingga bajet di sekitar Banda Hilir mula dipenuhi orang, malah ada antara mereka yang datang kecewa kerana tidak dapat men- ginap di hotel-hotel yang terda- pat di negeri ini.

Di Banda Hilir terdapat bangu- nan-bangunan bersejarah seperti Memorial Pengisytiharan Kemer- dekaan, Istana Kesultanan Melayu Melaka dan bangunan Stadthuys

yang merupakan lokasi yang tidak pernah sunyi dengan kunjungan.

Bagi pencinta sejarah, Melaka adalah destinasi tepat untuk meneroka pelbagai isi sejarahnya yang dikatakan diasaskan oleh seorang bangsawan dari Palembang iaitu Parameswara pada tahun 1400.

Peninggalan sejarah di negeri ini tidak hanya tertumpu kepada pengasasnya sahaja, malah se-jarah kesultanan Melayu, pahlawan terbilang, penaklukan Portugis, Belanda dan British serta sejarah kemerdekaan negara.

Bukti-bukti sejarah yang masih terpelihara sehingga kini, antara-

nya A Famosa, Perigi Hang Li Poh, Kota St. John, Makam Hang Tuah dan perkuburan Belanda adalah antara produk pelancongan ter-kenal di negeri ini.

Dengan terpeliharanya pelba- gai bukti sejarah ditambah dengan produk pelancongan sokongan yang diwujudkan, sasaran men- capai 13 juta pelancong ke negeri ini pada tahun itu bukanlah se- suatu yang sukar.

Produk pelancongan lain yang tidak kurang hebatnya seperti Me- laka River Cruise, Melaka Won- derland, A Famosa Resort, Menara Taming Sari, Zoo Melaka, muzium

dan galeri serta tempat-tempat ibadat pelbagai kaum juga men- jadi tarikan.

Rata-rata pelancong yang di- temui melahirkan rasa gembira melihat keunikan Melaka berbanding negeri lain di negara ini.

Selain keunikan dan keindahan panorama yang dirakamkan menerusi lensa kamera, makanan dan produk kraftangan serta kerama- han masyarakat di negeri ini men-ambah lagi keterujaan mereka.

Mereka yang datang bersama keluarga menganggap negeri ini amat sesuai untuk percutian ke- luarga terutamanya menjelang cu- ti persekolahan.

Maka tidak hairanlah andai di- bandingkan dengan kebanyakan negeri di negara ini, Melaka me-rupakan salah satunya yang mem- punyai lambakan hotel dan rumah inap yang sentiasa dipenuhi pe- ngunjung sepanjang tahun.

Dalam usaha memberikan ke- puasan kepada para pelancong yang bertandang ke negeri ini, kerajaan negeri sentiasa komited dalam meneroka pelbagai lokasi di negeri ini yang dirasakan sesuai untuk di- jadikan lokasi pelancongan.

Dataran iMalaysia di Pantai Klebang misalnya, antara lokasi yang bakal dimajukan sebagai ta- rikan pelancong dalam dan luar negara bagi mengisi pelbagai ak- tiviti air dan pesisiran pantai pada masa akan datang.

